

e-Buletin JSKM

EDISI
APRIL
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



Menyemai Harapan,

MENYANTUNI PEJUANG KECIL

Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS
APRESIASI JSKM
2026

Laporan

RAFAH YANG
DIRATAH TIDAK
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI
PASIR DAN
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

PROGRAM TADARUS AL-QURAN JSKM SEMPENA RAMADAN 1447H

FARAH HAYATI BINTI MUSTAPA





Penyertaan terbuka kepada seluruh warga jabatan yang berminat untuk bersama-sama memperbanyakkan bacaan Al-Quran serta mengeratkan ukhuwah sesama warga kerja. Setiap sesi dimulakan dengan bacaan Al-fatihah doa dan diteruskan dengan bacaan Al-Quran secara bergilir-gilir dalam kalangan peserta sepanjang sesi Google Meet, mengikut pembahagian juzuk yang telah ditetapkan. Sesi diakhiri dengan bacaan doa dan tasbih kifarrah.

Program ini bukan sahaja bertujuan menyemarakkan amalan membaca Al-Quran, malah turut menjadi medium penyucian jiwa, peningkatan sahsiah diri serta pengukuhan nilai spiritual dalam kalangan warga jabatan. Diharapkan program ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai salah satu aktiviti tahunan jabatan dalam usaha membentuk warga kerja yang seimbang dari aspek profesional dan kerohanian.

Semoga segala usaha dan amalan yang dilaksanakan sepanjang Ramadan ini diterima dan diberkati oleh Allah.

Sempena menyambut bulan yang penuh keberkatan, Jabatan telah menganjurkan Program Tadarus Al-Quran JSKM sebagai salah satu pengisian utama Program Ihya' Ramadan 1447H. Program ini berlangsung sepanjang 1 hingga 30 Ramadan 1447H (bermula 19 Februari 2026), bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, dan dilaksanakan secara dalam talian melalui platform Google Meet.

Program ini mensasarkan pembacaan 30 juzuk Al-Quran secara khatam sekali sepanjang bulan Ramadan. Sepanjang pelaksanaannya, para peserta membaca sekurang-kurangnya satu juzuk setiap hari bagi memastikan sasaran khatam dapat dicapai dengan sempurna. Program ini turut diteruskan pada hari Sabtu dan Ahad, mencerminkan komitmen dan kesungguhan warga jabatan dalam mengimarahkan bulan Ramadan dengan amalan membaca Al-Quran.





اَبُو بَكْرٍ مَرْكُوبٌ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 772637007004